



Perdana Menteri setuju kerajaan majukan semula kawasan itu, mahu pemilik tanah kekal mempunyai pegangan harta

Bangunkan Kampung Baru



PEMBANGUNAN Kampung Baru perlu memastikan pemilik tanah terus kekal di kawasan tersebut.

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersetuju agar Kampung Baru yang terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur dibangun dan dimajukan semula dengan kesemua pemilik tanahnya kekal memiliki harta di situ.

Langkah itu dilihat dapat mengelakkan penduduk di kampung tersebut tidak terpinggir daripada arus pembangunan pesat di ibu kota.

Perkara ini dinyatakan Perdana Menteri kepada rombongan Kementerian Wilayah Persekutuan yang bertemu beliau pada Isnin, 4 Mac lepas.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad bersama timbalannya, Datuk Dr. Shahrudin Mohd. Salleh; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Sharifuddin Kassim dan beberapa pegawai kanan kementerian telah bertemu dengan Dr. Mahathir di pejabatnya di Perdana Putra, Putrajaya.

Pada pertemuan itu, Khalid telah membentangkan perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan kepada Perdana Menteri secara langsung.

**LAPORAN PENUH
DI MUKA 2**

Dr. Mahathir mahu pemilik tanah kekal mempunyai pegangan harta di kawasan itu

Bangunkan semula Kampung Baru

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ber-setuju agar Kampung Baru yang terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur dibangun dan dimajukan semula dengan kesemua pemilik tanahnya kekal memiliki harta di situ.

Perkara ini dinyatakan oleh Perdana Menteri kepada rombongan Kementerian Wilayah Persekutuan yang bertemu beliau pada Isnin, 4 Mac lepas.

Menteri Wilayah Persekutuan, Abdul Khalid Samad bersama timbalannya, Datuk Dr. Shahrudin Mohd Salleh; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Sharifuddin Kassim dan beberapa pegawai kanan kementerian telah bertemu dengan Dr. Mahathir di pejabatnya di Perdana Putra di sini.

Pertemuan tersebut bertujuan untuk membentangkan perancangan kementerian kepada Perdana Menteri secara langsung.

"Perdana Menteri menyambut baik segala perancangan kita dan memberikan beberapa cadangan penambahbaikan," kata Khalid kepada Wilayahku selepas pertemuan tersebut.



USAHA memajukan Kampung Baru perlu dilaksanakan dengan teliti supaya nasib pemilik tanah terbela.

Antara perkara yang dibentangkan adalah cadangan untuk pembangunan semula Kampung Baru yang terletak di tengah ibu kota.

"Tun (Dr. Mahathir) setuju agar Kampung Baru dibangun semula tetapi beliau mahu pemilik tanah di situ kekal memiliki harta mereka di situ dan bu-

kan terus terpinggir dari pusat bandar," kata Khalid.

Dalam pertemuan itu, Khalid berkata, beliau telah membentangkan enam teras baru program kementeriannya di Wilayah Persekutuan.

Enam teras itu adalah Wilayah Bersih, Keselamatan Awam, Pengangkutan Efisien, Sosio-Ekonomi Mampan, Persekitaran Hijau dan Komuniti Inklusif.

Perbadanan Kampung Baru (PKB) telah membuat bancian dan mengumpulkan pandangan umum apa yang perlu dibuat untuk Kampung Baru berikutan kedudukannya yang kini terhimpit di celah-celah pembangunan di bandar raya.

Sehingga kini, lebih 85 peratus responden mahu Kampung Baru dibangun.

Januari lalu, laporan Wilayahku memetik Khalid sebagai berkata, kementeriannya sedang mengadakan perbincangan bersama Kementerian Kewangan bagi meneliti kaedah mendapatkan dana untuk melaksanakan pembangunan Kampung Baru.

Bina taman ikut cita rasa Malaysia

NAZWIN NAZRI

winwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru rakyat negara ini supaya membina taman yang berkonsepkan cita rasa Malaysia supaya menjadi tarikan sekali gus membuka ruang perniagaan baharu.

Perdana Menteri mahu masyarakat negara ini berhenti mengadaptasi budaya luar seperti lukisan-lukisan grafiti yang dibuat seperti dari Brazil kerana ia akan mencacat serta menghilangkan nilai seni binaan bangunan yang cantik.

"Kita di Malaysia ini suka meniru orang Eropah. Kalau orang sana contend dinding, kita pun

contend dan kalau orang sana cukur kepala kita pun buat.

"Kenapa nak tiru orang? Sedangkan negara kita lebih indah daripada tempat mereka, sebab itu kita kena fikirkan apa yang boleh dibuat untuk mencantikkan negara dan menampilkan kelainan seperti mengadakan pertandingan cantikkan kampung," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Landskap Negara 2019 di Taman Botani di sini baru-baru ini.

Turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad; Timbalannya, Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Saripuddin Kasim

dan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Rotina Mohd. Daik serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia seharusnya menanam minat untuk mencantikkan negara melalui tanaman dan membangunkan bandar-bandar mengikut kehendak atau 'cita rasa' supaya dapat menyumbang kepada pembinaan taman serta landskap yang indah.

Dalam pada itu, beliau berkata, bidang landskap boleh menyumbang kepada sumber pendapatan dan dijadikan industri baharu negara berikutan terdapat banyak permintaan



DR. MAHATHIR (tiga dari kanan) Khalid (kanan) melawat pameran taman selepas merasmikan sambutan Hari Landskap Negara 2019 di Taman Botani Putrajaya baru-baru ini.

untuk mencantikkan kawasan laman dan taman. cantik.

Pada majlis itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

memenangi tempat pertama Inisiatif Negara Taman Terindah bernilai RM1 juta dalam bentuk projek.

SKMM padam 3,407 akaun palsu sebar mesej ekstremis

CYBERJAYA - Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah bertindak memadamkan sebanyak 3,407 akaun palsu di media sosial termasuk yang disalahgunakan untuk menyebarkan mesej ekstremis, kebencian dan fitnah selain 1,163 lagi mempunyai isi kandungan sama.

Suruhanjaya itu dalam kenyataannya berkata, tindakan

yang dilakukan sepanjang tahun lalu hingga Februari lalu itu dilakukan dengan kerjasama operator platform media sosial antarabangsa.

"Antara tahun 2018 hingga Februari lalu, SKMM telah memadamkan sebanyak 47 kertas siasatan dengan lima daripadanya telah dijatuhi hukuman.

"Dalam tempoh masa sama, sejumlah 2,358 bantuan teknikal

dan proses mengenal pasti maklumat bagi membantu siasatan pihak berkuasa telah dilaksanakan oleh SKMM," kata kenyataan itu baru-baru ini.

Kenyataan itu menyatakan, SKMM menyedari terdapat pihak yang menyalahgunakan media sosial untuk menyebarkan agenda mereka sendiri dengan tujuan memecahbelahkan perpaduan kaum dan mengganggu keamanan

awam hingga mencetuskan polemik agama dan kaum.

"Dalam hal ini, SKMM dengan kerjasama rapat pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dan komited untuk bertindak terhadap mana-mana pihak yang mengancam keamanan, kestabilan dan keharmonian negara," katanya.

Dalam pada itu, kata kenyataan itu, SKMM juga telah membantu

memaklumkan pihak orang awam berkenaan 979 berita palsu di media sosial dan internet melalui laman web sebenarnya.my portal yang dikendalikan suruhanjaya itu.

"Tindakan yang telah diambil SKMM akan diperkukuhkan lagi bagi memastikan sebarang element yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan negara dapat dikawal dan dibendung sepenuhnya," katanya.

Kisah Syura Natalia jejaki Kim Jong-nam

Oleh **AZLAN ZAMBRY**

azlanwilayahku@gmail.com

PENGALAMAN yang dikutip sebagai wartawan penyiaran di stesen televisyen berpangkalan di Jepun merupakan satu azimat yang tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

Bagi Syura Natalia Ahmad Tajudin, 38, pengalaman diberikan tugas menjejaki abang tiri Presiden Korea Utara, Kim Jong-nam membawanya berada di Macau selama sebulan.

Jong-nam menemui ajalnya ketika dalam perjalanan ke Hospital Putrajaya selepas diserang dua wanita menggunakan agen saraf VX ketika di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada 13 Februari 2017.

"Saya perlu memerhatikan setiap lelaki yang lalu-lalang dan ia agak sukar kerana perwatakan mendiang adalah seperti lelaki Macau yang lain, berjaket dan memakai topi.

"Saya pernah mengikuti mendiang secara senyap-senyap sehingga ke kasino untuk memerhatikan pergerakannya," katanya.

Cerita Syura Natalia lagi, dia yang berkhidmat dengan Fuji TV bersama pasukan media lain sanggup menyamar sebagai pelancong dan menjejaknya di lapangan terbang.

"Saya bertuah apabila kebetulan

mendiang lalu di hadapan saya dan seorang rakan sekerja sanggup membeli tiket penerbangan hanya untuk mengesahkan lelaki tersebut adalah Kim Jong-nam," katanya yang berasa kesal kerana akhirnya Jong-nam mati dibunuh di Malaysia.

Ketika kejadian itu, Fuji TV merupakan antara televisyen pertama mendedahkan kematian abang tiri Presiden Kim Jong-un dan berjaya mendapatkan rakaman CCTV kejadian serangan tersebut di KLIA2.

Syura Natalia yang merupakan kelahiran Pekan, Pahang sebelum ini melanjutkan pengajian dalam bidang Pengajian Pembangunan Antarabangsa di Universiti Takushoku, Jepun dan terus bekerja sebagai wartawan penyiaran.

"Saya sering mencari peluang untuk kembali ke Jepun, apabila mendapat tawaran melanjutkan pelajaran dan ditaja oleh kerajaan Jepun melalui Biasiswa Monbukagaku, saya dan suami tidak teragak-agak untuk kembali ke sana," katanya.

Menurut Syura Natalia, bergelar wartawan penyiaran tidaklah mudah apatah lagi dia terpaksa bersiap sedia 24 jam kerana pejabat Fuji TV di Kuala Lumpur perlu membuat liputan berita di negara Asia, Australia dan Timur Tengah.

"Pada 2004, saya pernah ke Jordan setelah menerima arahan pada pukul



tiga pagi, apabila mendapat berita mengenai seorang pelajar warga Jepun yang ditangkap oleh militan IS di Iraq dan berkampung di sana dua atau tiga minggu.

"Pelajar berkenaan tidak bernasib baik kerana bas yang dinaikinya telah dirampas pihak militan dan akhirnya dia dibunuh kerana kerajaan Jepun tidak mahu membayar apa-apa tuntutan pampasan," katanya.

Syura Natalia yang fasih bertutur dalam bahasa Jepun mengakui pernah menyumbangkan suara untuk filem 'Sumolah' arahan Afdlin Shauki.

Dia yang kini membantu perniagaan cafe ibu bapanya di Putrajaya sering menasihati pekerja dan anak-anak muda agar melakukan kerja dengan cermat dan sempurna kerana itulah nilai penghormatan orang lain kepada seseorang.

"Pengalaman bekerja dengan syarikat terkemuka di Jepun dan dilatih dengan ketua yang sangat tegas dan cerewet telah membentuk diri saya melakukan kerja dengan betul dan sempurna," katanya.

Universiti Tsukuba, Jepun bakal dibina di Putrajaya

Oleh **HELMI MOHD. FOAD**

helmiwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Sebuah universiti awam dari Jepun dijangka membuka kampusnya di Putrajaya sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara pertama yang mempunyai sebuah pusat pengajian tinggi awam dari Negara Matahari tersebut.

Penubuhan pusat pengajian tinggi itu merupakan salah satu program dilaksanakan di bawah Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya 2018-2022 yang dilancarkan baru-baru ini.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, perkara tersebut telah dicadangkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Jepun pada November tahun lalu.

"Secara faktanya belum ada lagi universiti awam Jepun ditubuhkan di luar negara itu, jadi bila cadangan tersebut diperpanjangkan kepada kerajaan Jepun, mereka telah berbincang secara serius.

"Kali mereka bersetuju membenarkan Universiti Tsukuba untuk berada



AMINUDDIN (dua dari kanan) menunjukkan buku Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya yang dilancarkannya di Putrajaya baru-baru ini.

di Malaysia," katanya kepada Wilayahku selepas merasmikan pelancaran pelan induk berkenaan baru-baru ini.

Pelan induk itu mengandungi enam teras iaitu agama, sosial, pendidikan, ekonomi, tadbir urus dan fizikal.

Langkah penubuhan universiti itu dilihat bakal menjadi Putrajaya ka-

wasan tumpuan pelbagai pihak dalam usaha meningkatkan jumlah penduduk kawasan ini kepada 250,000 menjelang tahun 2025.

Aminuddin berkata, sebenarnya banyak lokasi telah dipertimbangkan termasuk Langkawi dan Cyberjaya serta Putrajaya.

"Alhamdulillah, Perdana Menteri bersetuju untuk memilih Putrajaya. Minggu lepas rombongan dari Universiti Tsukuba dan pegawai kedutaan telah datang dan kita membawa mereka di beberapa lokasi strategik di Putrajaya.

"Buat permulaan mereka akan menempatkan kampus universiti itu di bangunan sedia ada dahulu," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga akan membuka sebuah kampus bandar di sini.

"Langkah ini bertepatan kerana UKM merupakan rakan strategik PPj yang turut sama merangka blueprint berkenaan.

"Jadi dengan adanya kampus bandar ini, mereka boleh bersama-sama pastikan pelaksanaan yang licin. Mereka juga boleh tawarkan penyelidikan dan pembangunan kepada PPj.

"Jadi kita sudah ada pemikirnya dan tidak perlu lagi kepada konsultan, mereka boleh memberikan tumpuan kepada pengajian sains komuniti di Putrajaya dan tempatkan pakar-pakar mereka," katanya.